

## **BAB 4**

### **PENUTUP**

#### **4.1 Pendahuluan**

Objektif penulisan ini adalah untuk melihat, meneliti, dan seterusnya mengungkap pemikiran orang Melayu dalam menilai dan menghargai keindahan. Kajian dilakukan ke atas khazanah-khazanah sastera lisan seperti peribahasa, pantun, gurindam dan bahasa berirama. Kajian ini juga cuba membuktikan bahawa konsep keindahan dalam pemikiran orang Melayu bukan sahaja yang dapat ditanggapi oleh pancaindera zahiriah semata-mata, bahkan juga dapat diselami yang tersirat di sebaliknya.

#### **4.2 Rumusan Kajian**

##### **4.2.1 Konsep Keindahan Dalam Pemikiran Orang Melayu**

Kajian ini berjaya membuktikan keupayaan orang Melayu mengungkap keindahan melalui penghasilan khazanah sastera Melayu lisan. Khazanah ini bukan sahaja indah malah berisi pemikiran dan pandangan yang kental terhadap keseluruhan persoalan hidup.

Hasil kajian ke atas konsep keindahan rupa paras berjaya membuktikan bahawa orang Melayu tidak mudah tertipu oleh keindahan luaran sahaja. Keindahan rupa paras memang menjadi pujaan dan sebutan ramai, tetapi perlulah disertai dengan kemuliaan hati dan keelokan perilaku.

Cara keindahan rupa paras dipancar melalui pengungkapan-pengungkapan Melayu menunjukkan betapa orang Melayu meletakkan keindahan di tempat yang tinggi. Keindahan ini diungkapkan secara terperinci dari hujung rambut sampai ke hujung kaki. Konsep keindahan ini juga bukan yang hanya tampak di mata, tetapi yang indah pada pancaendera lain, seperti pendengaran, sentuhan, rasa dan bau. Dapat disingkap di sini betapa teliti dan terperinci orang Melayu menilai erti keindahan.

Keindahan rupa paras pula tidak lengkap tanpa keindahan budi bahasa. Melalui kajian ini dapat dilihat betapa orang Melayu amat mementingkan keindahan budi bahasa ini dalam keseluruhan urusan hidup. Keindahan budi bahasa ini bukan sahaja terserlah dalam perilaku secara zahiriah, seperti halus tutur kata dan sopan tingkah laku, tetapi juga tersemat di dalam hati, seperti sabar, ikhlas dan amanah. Peradaban Melayu itu sendiri dibina berdasarkan konsep keindahan budi bahasa ini.

Nilai-nilai murni inilah yang menjadi asas dalam penyatuan keluarga Melayu yang dibina berasaskan ketegasan terhadap pentingnya sifat-sifat murni ini, di samping kepatuhan pada perintah Allah dan keterikatan kepada adat. Nilai-nilai murni ini juga menyumbang kepada pembinaan tamadun bangsa Melayu yang dihormati.

Sesungguhnya, khazanah Melayu seperti peribahasa dan pantun berfungsi sebagai satu teknik sastera yang secara langsung mengenalkan nilai-nilai tersebut dan dengan itu memperkuat pengaruhnya dalam hidup sehari-harian orang Melayu.

#### **4.2.2 Keindahan Cara Penyampaian**

Dalam kajian ini, bukan sahaja dapat dilihat cara keindahan dinilai dan dihargai dalam masyarakat Melayu, tetapi juga cara keindahan itu dipancarkan. Orang Melayu ada cara tersendiri dalam penyampaiannya, sama ada dalam bentuk secara langsung atau tidak langsung.

Melalui bentuk penyampaian secara langsung, nilai-nilai keindahan itu dinyatakan secara terus-terang, sama ada melalui perkataan-perkataan yang sinonim dengan perkataan indah, atau melalui frasa-frasa yang jelas dan tersurat. Namun begitu, dalam menyampaikan mesej, pengungkapan Melayu

tidaklah sentiasa langsung sifatnya, tetapi lazimnya mengandungi kiasan dan ibarat.

Daripada pengungkapan-pengungkapan secara tidak langsung itu dapat dilihat bagaimana ciri-ciri bahasa dimanipulasikan secara kreatif, sama ada dari segi pemilihan perkataan atau susunan frasa dan ayat, unsur-unsur pengulangan atau penyusunan unsur bunyi yang membentuk rentak dan irama yang sedap didengar. Seterusnya, pengungkapan yang digarap indah ini senang diterima dan menjadi media utama dalam penyampaian buah fikiran dalam masyarakat Melayu.

#### **4.3 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bagaimana orang Melayu menghargai dan menilai keindahan, sama ada yang dapat ditanggapi secara zahiriah atau secara tersirat. Keindahan ini juga tersingkap melalui bentuk-bentuk dan cara penyampaian konsep keindahan ini. Penggunaan unsur-unsur alam dalam binaan khazanah sastera lisan Melayu membuktikan orang Melayu amat sehati dengan alam sekelilingnya.

Mereka merenung dan memahami dan seterusnya bertindak balas kepada alam sekelilingnya. Hasilnya terciptalah khazanah sastera lisan yang memancarkan keindahan

alam semesta ini. Keadaan ini mencerminkan pandangan dunia masyarakat Melayu. Pemikiran yang terpancar dalam khazanah lisan bahasa Melayu ini merupakan satu manifestasi kebijaksanaan penciptanya. Melaluinya dapat difahami corak pemikiran orang Melayu.

Khazanah bahasa ini meniti dari bibir ke bibir masyarakat Melayu yang seterusnya menjadi pegangan dan pedoman dalam pemupukan dan pembinaan peradaban masyarakat Melayu. Kajian ini telah mengukur betapa tingginya falsafah dan pemikiran bangsa Melayu dalam menilai dan menghargai keindahan.